

**HUBUNGAN PERSEKITARAN BILIK DARJAH DAN SIKAP
PEMBELAJARAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN MARA LUMUT
PERAK**

MYAZAITUL AKMA BINTI MOHAMMAD

**LAPORAN PROJEK YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS **ABSTRAK** UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran dengan prestasi pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak. Pembolehubah bebas ialah persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran. Pembolehubah bersandar pula ialah prestasi pelajar yang dinilai melalui keputusan peperiksaan akhir semester (CGPA). Seramai 160 orang responden daripada pelajar semester akhir program Teknologi Kejuruteraan sesi Jan-Jun 2012 telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah soal-selidik yang menggunakan instrumen *What Is Happening In This Classroom (WIHIC)* yang dibangunkan oleh Fraser (1996) dan diubahsuai (Aldridge dan Fraser, 2000) bagi mengukur faktor persekitaran bilik darjah. Instrumen *The Mathematics And Technology Instruments Attitudes Scale (MTAS)* yang dibangunkan oleh Pierce at el (2007) pula mengukur faktor sikap pembelajaran. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenalpasti tahap persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran pelajar. *Independent Sample t-test* dan *ANOVA* pula digunakan untuk melihat perbezaan faktor demografi iaitu jantina, umur dan semester dengan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran. Hubungan antara *WIHIC* dan *MTAS* dengan prestasi pelajar dianalisis menggunakan ujian *Korelasi Pearson*. Ujian regresi pelbagai dijalankan bagi menentukan faktor-faktor dominan yang mempengaruhi prestasi pelajar. Hasil kajian mendapati tidak wujud perbezaan jantina dan umur dengan *WIHIC* dan *MTAS*. Namun begitu, wujud perbezaan antara semester dengan *WIHIC*. Dapatan kajian juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara *WIHIC* dan *MTAS* dengan prestasi pelajar. Sikap merupakan faktor dominan yang mempengaruhi prestasi pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

This study aims to determine the relationship of the classroom environment and learning attitude with the performance of students in Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak. The independent variables are classroom environment and learning attitude. The dependent variable is the achievement of students which is evaluated through the results of the final semester examination (CGPA). A total of 160 respondents from final year students of Engineering Technology program sessions Jan-Jun 2012 were selected for this study. All data were collected via survey. The instruments *What Is Happening In This Classroom (WIHIC)* developed by Fraser (1996) and modified (Aldridge and Fraser, 2000) is used to measure the classroom environment. *The Mathematics and Technology Instruments Attitudes Scale (MTAS)* developed by Pierce at el (2007) is used to measure the attitude of learning. Descriptive statistics were used to determine the level of the classroom environment and students' learning attitudes. Independent samples t-test and *ANOVA* were used to examine differences in demographic factors such as gender, age and semester with the independent variables. The relationships of WIHIC and MTAS with the student performance were analyzed using Pearson correlation test. Multiple regression test was used to determine the dominant factors that influence student performance. The study found that there were no significant differences between gender and age with *WIHIC* and *MTAS*. However, the differences exist between semester and *WIHIC*. The findings also showed a significant correlation exists between *WIHIC* and *MTAS* with the student performance. Attitude is the dominant factor affecting student performance in Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Halaman Judul	ii
Pengakuan	iii
<i>Declaration</i>	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Kata Singkatan	xv
 BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	10
1.3.1 Objektif Umum	10
1.3.2 Objektif Khusus	10
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Hipotesis Kajian	12
1.5.1 Hipotesis Nul	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Definisi Konsep	14
1.7.1 Sikap	14
1.7.2 Pembelajaran	14
1.7.3 Persekitaran Bilik Darjah	14
1.7.4 Prestasi Pelajar	15
1.7.5 WIHIC	15

1.7.6 MTAS	15
1.8 Batasan Kajian	16
1.9 Rumusan	17

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
2.2 Teori Berkaitan	19
2.3 Perkembangan Instrumen Kajian Persekitaran Bilik Darjah	20
2.4 <i>What Is Happening In This Classroom</i> (WIHIC)	24
2.5 <i>The Mathematics and Technology Instruments Attitutes Scale</i> (MTAS)	29
2.6 Hubungan Persekitaran Bilik Darjah Dan Prestasi Pelajar	30
2.7 Hubungan Sikap Pembelajaran Dan Prestasi Pelajar	33
2.8 Perbezaan Jantina Dengan Persekitaran Bilik Darjah	37
2.9 Perbezaan Jantina Dengan Sikap Pembelajaran	39
2.10 Kerangka Konsep Kajian	41
2.10.1 Pembolehubah Bersandar	41
2.10.2 Pembolehubah Tidak Bersandar	41
2.10.3 Gambarajah Kerangka Kajian	42
2.11 Rumusan	43

BAB 3 : METADOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	44
3.2 Rekabentuk Kajian	45
3.3 Populasi Dan Pensampelan	47
3.4 Instrumen Kajian	49
3.5 Kajian Rintis	57
3.6 Prosedur Kajian	57
3.7 Kebolehpercayaan Dan Kesahan	59

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIV	63
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
3.8 Analisis Data		63
3.8.1 Analisis Deskriptif		65
3.8.2 Analisis Inferens		66
3.9 Rumusan		73

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	74
4.2 Profil Responden Kajian	75
4.2.1 Jantina	75
4.2.2 Umur	76
4.2.3 Semester	77
4.3 Analisis Kebolehpercayaan Dan Kesahan	78
4.3.1 Ujian Realibiliti	78
4.3.2 <i>Confirmatory Factor Analysis</i> (CFA)	81
4.3.2.1 Analisis CFA Instrumen WIHIC	81
4.3.2.2 Analisis CFA Instrumen MTAS	82
4.4 Analisis Dapatan Kajian	83
4.4.1 Apakah Tahap Persekitaran Bilik Darjah dan Sikap Pembelajaran Pelajar?	83
4.4.2 Adakah Wujud Perbezaan Faktor Demografi Yang Signifikan Dengan Persekitaran Bilik Darjah Dan Sikap Pembelajaran Pelajar?	96
4.4.3 Adakah Wujud Hubungan Yang Signifikan Antara Persekitaran Bilik Darjah Dan Sikap Pembelajaran Pelajar Terhadap Prestasi Pelajar?	102
4.4.4 Apakah Faktor – Faktor Yang Doniman Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar?	104
4.5 Rumusan	109

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	110
5.1 Perbincangan	111
5.1.1 Perbincangan Deskriptif	111
5.1.2 Perbincangan Persoalan Kajian	112
5.3 Implikasi Kajian	125
5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan	126
5.4 Penutup	127
 RUJUKAN	 128
Lampiran A : Soal Selidik	133
Lampiran B : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	141
Lampiran C : OUTPUT SPSS	142

SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 3.1 Taburan Pelajar –Pelajar Program Teknologi Kejuruteraan Semester Akhir Sesi Jan-Jun 2012, Ikm Lumut	48
Jadual 3.2 Nilai Kebolehpercayaan Instrument WIHIC Dan MTAS	61
Jadual 3.3 Nilai Korelasi Dan Intepretasi Skala Pekali Korelasi	68
Jadual 3.4 Hipotesis Yang Diuji	72
Jadual 4.1 Profil Responden Berdasarkan Jantina	75
Jadual 4.2 Profil Responden Berdasarkan Umur	76
Jadual 4.3 Profil Responden Berdasarkan Semester	77
Jadual 4.4 Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik WIHIC dan MTAS	78
Jadual 4.5 Faktor Analisis Elemen Persekitaran Bilik Darjah	81
Jadual 4.6 Faktor Analisis Elemen Sikap Pembelajaran	82
Jadual 4.7 Tahap Keakraban Pelajar Elemen Persekitaran Bilik Darjah	84
Jadual 4.8 Tahap Sokongan Guru Elemen Persekitaran Bilik Darjah	85
Jadual 4.9 Tahap Penglibatan Elemen Persekitaran Bilik Darjah	86
Jadual 4.10 Tahap Kajian Elemen Persekitaran Bilik Darjah	87
Jadual 4.11 Tahap Orientasi Tugas Elemen Persekitaran Bilik Darjah	88
Jadual 4.12 Tahap Kerjasama Elemen Persekitaran Bilik Darjah	89
Jadual 4.13 Tahap Kesaksamaan Elemen Persekitaran Bilik Darjah	90
Jadual 4.14 Tahap Penglibatan Tingkah Laku Elemen Sikap Pembelajaran	91

Jadual 4.15	Tahap Keyakinan Terhadap Teknologi Elemen Sikap Pembelajaran	92
Jadual 4.16	Tahap Sikap Mempelajari Matematik Teknikal Elemen Sikap Pembelajaran	93
Jadual 4.17	Tahap Penglibatan Afektif Elemen Sikap Pembelajaran	94
Jadual 4.18	Tahap Matematik Dan Teknologi Elemen Sikap Pembelajaran	95
Jadual 4.19	Analisis Jantina Terhadap WIHIC	96
Jadual 4.20	Analisis Jantina Terhadap MTAS	97
Jadual 4.21	Analisis Umur Terhadap WIHIC	98
Jadual 4.22	Analisis Umur Terhadap MTAS	99
Jadual 4.23	Analisis Semester Pengajian Terhadap WIHIC	100
Jadual 4.24	Analisis Semester Pengajian Terhadap MTAS	101
Jadual 4.25	Hubungan Korelasi WIHIC dan MTAS Dengan Prestasi Pelajar	102
Jadual 4.26	Faktor- Faktor Mempengaruhi Prestasi Pelajar	107

SENARAI RAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 2.1 Kerangka Teori Kajian	42
Rajah 4.1 Taburan Data Prestasi Pelajar (<i>Hetroscedasticity</i>)	105
Rajah Taburan Data Prestasi Pelajar (<i>Linear Residual</i>)	106

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

TAJUK

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
IKM	Institut Kemahiran MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
PNGK	Purata Nilai Mata Gred Keseluruhan
WIHIC	<i>What Is Happening In This Classroom</i>
MTAS	<i>The Mathematics and Technology Instruments Attitudes Scale</i>
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Bilik darjah merupakan sebuah tempat sosial yang kompleks kerana situasinya sentiasa berubah-ubah secara spontan dengan penglibatan aktif antara guru dan pelajar (Watkins, 2005). Guru yang merupakan pemandu kepada penyampaian kurikulum mempunyai strategi efektif tersendiri dalam memastikan objektif pengajaran tercapai di akhir setiap kelas. Perbezaan latar belakang dari segi sosial dan status bukan satu penghalang kepada pelajar untuk mewujudkan sebuah bilik darjah yang interaktif sekiranya mereka mampu menerima persekitaran bilik darjah yang diinginkan. Pelajar seharusnya memainkan peranan aktif di dalam kelas bagi memastikan proses pembelajaran berjaya dan penglibatan ini memerlukan perangsang untuk merealisasikannya.

Objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai melalui kewujudan persekitaran bilik darjah yang kondusif. Dorman dan Adams (2004) berpendapat bahawa pembelajaran akan lebih efisien sekiranya pelajar menerima persekitaran bilik darjah yang baik. Persekitaran bilik darjah bukan sekadar mempengaruhi corak pembelajaran pelajar tetapi bertindak sebagai pemangkin kepada suasana pembelajaran yang berkesan. Sistem pembelajaran berasaskan peperiksaan yang diamalkan di Malaysia telah meletakkan pencapaian akademik yang cemerlang sebagai kayu ukur kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap persekitaran bilik darjah. Menurut Salina et al (2008), penekanan terhadap pencapaian akademik telah mengakibatkan suasana bilik darjah lebih berorientasikan peperiksaan. Keadaan ini mengakibatkan pelajar menjadi pasif dan kurang berinteraksi dalam kelas.

Selain itu, sikap juga merupakan faktor penting dalam memastikan setiap pembelajaran itu berjaya. Sikap setiap individu itu adalah berbeza terutamanya dalam penerimaan pembelajaran. Persekitaran bilik darjah yang kondusif dan baik belum tentu mampu memberikan impak terbaik kepada output pembelajaran. Sikap pembelajaran yang dimiliki oleh setiap pelajar akan mempengaruhi pencapaian masing-masing. Menurut Beck (1982) dalam penulisan Asmawati (2002), sikap merujuk kepada perasaan positif atau negatif individu terhadap objek, manusia, situasi ataupun idea.

Menurut Meece et Al (1982) dalam penulisan Magno (2003) sikap berhubungkait dengan pencapaian akademik kerana ia dipelajari sepanjang masa melalui perhubungan secara langsung dengan subjek. Informasi berkaitan subjek ini diperolehi melalui arahan dan secara tidak langsung membentuk sikap terhadap subjek tersebut. Justeru itu, jelaslah bahawa sikap memainkan peranan penting dalam membentuk keberkesanan pembelajaran. Sikap positif terhadap pembelajaran akan menghasilkan pencapaian yang memberangsangkan dan begitulah sebaliknya. Arsaythamby (2010) mendefinisikan sikap sebagai satu persediaan mental dan fizikal dan ia merupakan kesediaan pendirian untuk bertindak dengan cara tertentu terhadap benda, orang, keadaan, tempat, idea dan kelakuan. Sikap juga terbentuk berdasarkan motivasi atau desakan dalam diri setiap individu itu sendiri. Ini membuktikan bahawa sikap memainkan peranan yang amat penting dalam motivasi pelajar untuk berjaya.

Selain itu, jantina dan umur secara tidak langsung juga mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Kajian – kajian berkaitan jantina pada tahun 1980-an dan awal 1990-an merumuskan bahawa pelajar lelaki mempunyai sikap sendiri yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan (Zalizan et al, 2005). Faktor umur juga memberi kesan terhadap pembelajaran. Abubakar dan Oguguo (2011) dalam kajian mereka mendapati jantina merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada prestasi pelajar tetapi faktor umur memberikan kesan yang sebaliknya. Dapatan kajian mereka menunjukkan umur tidak mempengaruhi prestasi pelajar.

Majoriti pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sijil di Institut Kemahiran MARA adalah berumur sekitar 18 tahun ke atas dan pelajar ini merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan SPM yang kurang memberangsangkan memberi mereka peluang kedua dengan melanjutkan pelajaran dalam aliran Teknikal Vokasional. Walaubagaimanapun, terdapat juga pelajar yang mendaftar berumur antara 21 tahun hingga 40 tahun. Mereka ini sudah mempunyai pengalaman kerja dalam industri dan mengambil peluang yang ditawarkan MARA untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang masing-masing.

Menurut Zalizan et al (2005), pelajar lelaki di Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada prestasi pelajar perempuan bagi mata pelajaran yang berasaskan teknikal seperti Lukisan Kejuruteraan dan Teknikal Kejuruteraan di peringkat SPM. Keadaan ini jelas memberi impak terhadap jumlah enrolmen pelajar baru ke Institut Kemahiran MARA pada setiap semester. Peratus enrolmen pelajar yang mendaftar pada sesi Januari – Jun 2012 menunjukkan 86.8% adalah pelajar lelaki dan hanya 13.2% sahaja pelajar perempuan.

Penilaian prestasi pelajar di Insitut Kemahiran MARA adalah berdasarkan sistem PNGK ataupun Purata Mata Nilai Gred Kumulatif dan GPA (Purata Mata Nilai Gred). Penilaian ini sejajar dengan sistem pembelajaran yang berasaskan teori dan amali. Persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran merupakan pembolehubah yang dipilih untuk melihat hubungannya dengan prestasi pelajar kerana gabungan kedua-dua elemen ini dilihat mampu mendorong kepada impak positif terhadap prestasi pelajar.

Menurut Watkins (2005), pembelajaran yang efektif mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan positif terhadap prestasi, tingkah laku dan perkembangan sosial serta moral. Persekitaran psikologi menunjukkan bahawa manusia mampu mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitaran fizikal yang sedia ada di sekeliling kita (Snow, 2002).

1.2 Pernyataan Masalah

“Sepertimana kita sedia maklum objektif umum RIDA- MARA adalah untuk pembangunan ekonomi orang Melayu melalui bekalan modal, latihan perniagaan, pelajaran dan peluang-peluang untuk melibatkan diri dalam perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil. Dengan objektif yang begitu jelas untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera, MARA telah menyusun strategi pelaksanaan melalui program dan aktiviti pembangunan usahawan, latihan dan pendidikan, perindustrian dan perkhidmatan secara bersepadu ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.” (Ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad pada Sambutan Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA pada 3 November 2000 di PWTC Kuala Lumpur)

Berdasarkan objektif ini, MARA telah membangunkan Institut Kemahiran MARA (IKM) yang pertama di Melaka pada tahun 1968. Institusi kemahiran ini ditubuhkan untuk melahirkan belia Bumiputera yang berkemahiran dalam pelbagai bidang teknikal dan kemahiran. Selain itu, IKM juga mempunyai objektif berteraskan sosial iaitu membanteras masalah keciciran dalam bidang pendidikan di kalangan remaja dan belia Bumiputera terutamanya di kawasan luar bandar.

Perkembangan dunia pendidikan yang begitu drastik ke arah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan telah memberikan impak besar kepada permintaan pekerja berpendidikan (*knowledge worker*) dan berkemahiran tinggi. MARA memastikan aliran kemahiran memainkan peranan utama dalam pembangunan sumber manusia dengan menaiktarafkan sistem pendidikan berasaskan kemahiran di IKM seluruh Malaysia. Kini, graduan lulusan IKM bukan sekadar bekerja sebagai pekerja mahir malah berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah.

MARA telah melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan graduan lepasan Institut Kemahiran MARA sebaris dengan pelajar lepasan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang terkenal dengan kecemerlangannya. Tanggapan masyarakat yang melabelkan graduan lepasan IKM sebagai kelas kedua perlu ditransformasikan. Bagi merealisasikan hasrat ini, MARA telah mewujudkan program - program dalam pelbagai bidang di Institut Kemahiran MARA seluruh Malaysia. Program-program yang ditawarkan di IKM bukan sahaja di peringkat sijil malah diploma juga diperkenalkan di IKM Petaling Jaya pada tahun 1995 dalam bidang elektronik dan ditauliahkan oleh Edexcel International Of United Kingdom.

Sistem penilaian prestasi di IKM adalah berdasarkan sistem gred sepertimana sistem penilaian di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Terma CGPA (Purata Mata Nilai Gred Kumulatif) dan GPA (Purata Mata Nilai Gred) telah digunapakai. Sebagaimana institusi pendidikan lain di dunia, pencapaian akademik merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan di IKM. Sistem pengajaran dan pembelajaran di IKM terbahagi kepada dua kategori iaitu teori dan amali. Pelajar bukan sahaja perlu memahami dan mendalami bidang kemahiran masing-masing

malah perlu lulus dengan cemerlang dalam subjek akademik seperti Matematik, Bahasa Inggeris, Pengajian Islam, Keusahawanan dan Pengajian Malaysia. Pelajar-pelajar IKM merupakan mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke matrikulasi ataupun institusi pengajian awam lain kerana keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kurang memberangsangkan. Majoriti pelajar - pelajar ini lebih cenderung dalam kemahiran teknikal berbanding subjek akademik. Ini merupakan satu cabaran kepada guru dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara lebih efektif.

Lantaran itu, guru perlu memahami persekitaran bilik darjah yang bersesuaian dengan pelajar di IKM bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamarudin dan Siti Hajar (2004), bilik darjah yang terdiri daripada guru dan pelajar merupakan sebuah organisasi sosial yang ringkas di mana kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama untuk dicapai. Persekitaran yang kondusif dan sesuai adalah penting bagi memastikan objektif pembelajaran dapat direalisasikan. Pemahaman ini akan dapat membantu guru merangka kaedah pengajaran yang bersesuaian.

Sehubungan itu, strategi yang paling efektif boleh diaplikasikan oleh guru dalam meningkatkan prestasi pelajar ialah dengan membantu pelajar mengubah konsep dirinya yang negatif kepada positif (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2002). Konsep diri mempunyai perkaitan rapat dengan tingkah laku dan sikap pelajar. Sikap dan tingkah laku yang positif akan melahirkan pelajar cemerlang. Guru perlu bijak memainkan peranan dalam mengenalpasti sikap pelajar terhadap pembelajaran. Setiap guru perlu menguasai pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan bagi

meningkatkan pengajaran dalam bilik darjah. Matlamat ini dapat direalisasikan dengan memahami sikap pelajar dan persekitaran bilik darjah. Menurut Silins dan Mulford (2002), terdapat empat faktor utama yang menjadikan sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan. Faktor-faktor tersebut ialah:

- i. Persekitaran yang mengutamakan kepercayaan dan kerjasama.
- ii. Ahli-ahli organisasi disokong dan diberi semangat untuk lebih berinisiatif dan berani mengambil risiko.
- iii. Matlamat dan misi sekolah sentiasa menjadi panduan dalam perkembangan pemahaman bersama, nilai dan amalan.
- iv. Penambahbaikan berterusan memerlukan pembelajaran tanpa henti.

Selain faktor persekitaran bilik darjah, adalah penting bagi guru memahami sikap pembelajaran pelajar IKM. Sikap pelajar-pelajar ini mungkin berbeza berbanding dengan pelajar cemerlang di matrikulasi ataupun institusi pengajian awam lain. Guru perlu memahami sikap pembelajaran pelajar agar dapat merangka strategi yang bertepatan agar keputusan peperiksaan setiap semester adalah memberangsangkan. Kebanyakan pelajar – pelajar di IKM mempunyai masalah terhadap keyakinan diri. Mereka merasa tersisih kerana pernah gagal mendapatkan keputusan cemerlang di peringkat SPM. Sikap positif terhadap pembelajaran perlu dipertingkatkan agar prestasi akademik mereka akan lebih cemerlang.

Pihak pengurusan IKM Lumut telah mensasarkan keputusan 100% dalam akademik sebagai salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2012. Ini merupakan satu cabaran kepada semua tenaga pengajar akademik dan teknikal untuk merealisasikannya. Ianya tidak mustahil sekiranya pelajar yang sedia ada cemerlang sebagaimana di pusat matrikulasi ataupun universiti. Pemahaman terhadap persekitaran bilik darjah, pembelajaran dan sikap perlu dipertingkatkan di kalangan tenaga pengajar agar perancangan dapat dilakukan dengan lebih realistik.

Sejajar dengan KPI yang telah ditetapkan, guru perlu bijak memahami keberkesanan gabungan faktor persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran yang positif agar dapat memastikan misi dan matlamat organisasi pendidikan tercapai. Kedua-dua faktor ini perlu dilihat secara dekat dan lebih mendalam agar hubungan kedua-duanya terhadap prestasi pelajar dapat diuraikan. Prestasi pelajar merupakan elemen penting yang dijadikan penanda aras kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan sikap pembelajaran dan persekitaran bilik darjah terhadap prestasi pelajar di Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak.

1.3.2 Objektif Khusus

Tujuan khusus kajian ini adalah :

- i. Menentukan tahap persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran pelajar.
- ii. Mengenalpasti perbezaan faktor demografi dengan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran pelajar.
- iii. Mengenalpasti hubungan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran dengan terhadap prestasi pelajar.
- iv. Mengenalpasti faktor yang dominan mempengaruhi prestasi pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab beberapa persoalan utama mengenai hubungan sikap pembelajaran dan persekitaran bilik darjah terhadap prestasi pelajar Institut Kemahiran MÀRA Lumut, Perak. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran pelajar?
- ii. Adakah wujud perbezaan faktor demografi yang signifikan dengan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran pelajar?
- iii. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran terhadap prestasi pelajar?
- iv. Apakah faktor - faktor dominan yang mempengaruhi prestasi pelajar?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian bagi kajian ini adalah:

1.5.1 Hipotesis Nul

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara demografi dengan faktor persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dan faktor sikap pembelajaran dengan prestasi pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak.

Ho3: Persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran bukan faktor yang dominan kepada prestasi pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut.

1.6 Kepentingan Kajian

Pelajar – pelajar di Institut Kemahiran MARA merupakan pelajar yang mahir dan lebih cenderung kepada kemahiran teknikal di mana mereka mempunyai kelebihan dalam kemahiran psikomotor. Sehubungan itu, adalah penting bagi setiap tenaga pengajar dan pihak pengurusan memahami akan sikap pembelajaran dan persekitaran bilik darjah dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Justeru itu, dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak pengurusan Institut Kemahiran MARA Lumut memahami kedua-dua aspek kajian ini dan seterusnya merangka strategi bersesuaian dalam memastikan peningkatan prestasi akademik pelajar yang cemerlang. Dengan adanya perancangan yang teliti dan teratur, matlamat ataupun objektif Institut Kemahiran MARA Lumut untuk mencapai kelulusan 100% akan dapat direalisasikan.

Selain daripada mencapai matlamat di atas, kajian ini juga merupakan landasan utama ke arah merealisasikan misi MARA iaitu menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera. Objektif MARA untuk melahirkan modal insan global dan berintegriti akan dapat dicapai melalui sektor pendidikan yang merupakan tulang belakang MARA.